

Jangan pilih bulu bertindak ke atas peniaga

PETALING JAYA: Pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu adil dengan mengambil tindakan kepada semua masyarakat peniaga, pengusaha restoran mahupun kedai runcit yang meletakkan barangan perniagaan di kaki lima.

Presiden Gabungan Persatuan Peniaga dan Peniaga Malaysia, Datuk Seri Rosli Sulaiman mendakwa, PBT di seluruh negara masa kini lebih mengambil tindakan terhadap warga asing dan masyarakat tempatan yang tidak mempunyai lesen, namun seolah-olah terlepas pandang terhadap pengusaha lain.

Menurut beliau, ia terutamanya di premis perniagaan yang meletakkan barangan mereka di kaki lima.

"Saya lihat pihak PBT mungkin terlepas pandang. Restoran hari ini yang kebanyakan rata-rata meletakkan meja dan kerusi di siar kaki dan pada waktu malam bermula pukul 7, barangan ini akan keluar di kawasan parkir.

"Hari ini PBT ambil tindakan bukan sahaja kepada peniaga asing, malah warga tempatan yang tiada lesen. Jadi kalau kita nak ambik tindakan, maka kepada semua supaya orang-orang tidak berkata-kata 'kerajaan zalim'.

"Siar kaki digunakan orang awam untuk jalan, kalau letak meja maka orang terpaksa lalu di jalan raya. Kalau mahu buat pembersihan, pastikan peraturan dan undang-undang ini tidak hanya menyebelahi satu pihak," dakwanya.

Sebelum ini, media melaporkan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengenakan tindakan sita dan pindah barangan empat daripada lapan premis yang diperiksa di Petaling Street menerusi tindakan khas.

Menurut DBKL, penguatkuasaan itu menumpukan kepada aktiviti perniagaan yang menghalang dengan meletakkan barangan niaga di atas jalan dan siar kaki awam.